

04 DEC 1998
Rencana-Peranginan
MARINA BAY RESORT IBARAT SYURGA DUNIA

Oleh: ROSLIWATY RAMLY

PULAU PANGKOR: Persekitarannya seakan-akan pemandangan dalam program TV "The Lifestyle of the Rich and Famous."

Ketenangan yang mempesonakan dan keindahan memukau kalbu -- demikian suasana yang wujud di Marina Bay Resort, sembilan buah estet perumahan yang mengadunkan kemewahan dengan persekitaran kehijauan yang menawan di Pulau Pangkor Laut, sebuah pulau kecil dekat sini.

Pusat peranginan yang menelan belanja sebanyak RM50 juta ini adalah "permata" terbaru milik YTL Corp Bhd. Ia dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini.

YTL Corp Bhd juga memiliki pusat peranginan Pangkor Laut Resort, hotel-hotel mewah The Ritz-Carlton Kuala Lumpur, The Vistana Kuala Lumpur, J.W.Marriot dan Keretapi Ekspres The Eastern & Oriental (E&O) yang membawa penumpang ke destinasi menarik antara Singapura dan Bangkok melalui Kuala Lumpur dan Chedi Phuket.

"Sudah bertahun-tahun, keunikan pusat peranginan kami memikat pengunjung tetapi kami merasakan peluang perlu terus diterokai untuk memenuhi impian mereka yang ingin bersendirian dalam suasana eksklusif," kata Tan Sri Datuk Francis Yeoh Sock Ping, Pengarah Urusan YTL Corp Berhad.

"Golongan atasan yang kaya-raya adalah sasaran pasaran kami. Mereka kaya wang ringgit tetapi miskin waktu. Percutian di Marina Bay Resort memenuhi keperluan itu.

"Pusat peranginan ini dipasarkan secara minimum. Ia mempunyai keistimewaan tersendiri dan kemasyhurannya tersebar daripada mulut ke mulut," katanya sambil menjelaskan walaupun ia mahal, namun pengunjung berpeluang berada di tengah-tengah hutan hujan tropika berusia dua juta tahun.

Francis menerangkan seluruh pembangunan di Marina Bay Resort memakan masa selama tiga tahun dengan mengamali sepenuhnya kaedah sensitif kepada persekitaran, termasuk menggunakan tenaga manusia untuk tujuan penggalan.

Ketika proses pembinaan, persekitaran dijaga dan dipelihara dengan baik di mana penebangan pokok hanya dilakukan jika terpaksa dan setiap pokok ditanda dan direkodkan untuk mengekalkan keaslian kawasan.

"Hari ini, lapan buah estet, reka bentuknya berorientasikan keluarga boleh memuatkan antara 10 hingga 12 orang setiap rumah, menanti untuk dihuni. Datanglah dan nikmati keindahannya yang dihiasi flora dan fauna," pelawa Francis.

Mark Yeoh Seok Kah, Pengarah Eksekutif Pangkor Laut Resort, pula menekankan bahawa Marina Bay Resort merupakan contoh terkini pembangunan di Pangkor Laut.

"Sekembali daripada pameran "World Travel Market" yang diadakan di London di mana estet-estet itu dilancarkan, sambutan yang diterima amat memberangsangkan dan kami yakin ia mampu menempatkan Pangkor Laut dan Malaysia di barisan depan dalam dunia destinasi pelancongan," tambahnya.

Jika lihat baru percaya. Begitulah dengan Marina Bay Resort yang akan membawa anda menikmati kehidupan yang dihubungkan dengan alam semula jadi, tetapi menggabungkan keselesaan kehidupan moden.

Terletak di pulau milik persendirian, Marina Bay Resort bagaikan syurga kerana anda akan terpujau oleh komposisi pantai berpasir putih, teluk dengan airnya berwarna zamrud dan dikelilingi dua buah tanjung.

Untuk mewujudkan suasana kebersendirian, empat buah estet yang mengandungi villa mewah terletak di sepanjang pantai dan lima lagi di

celah-celah rimbunan pokok dan hutan dara. Villa-villa itu mengandungi dua, tiga dan empat bilik tidur dan tempat mandi di luar, ruang-ruang tamu, istirahat, makan, pelbagai jenis kolam mandi dan taman tropika.

Bahagian dalaman pula dicipta oleh tukang-tukang mahir bagi mewujudkan reka bentuk bermutu tinggi yang bercirikan budaya Asia Tenggara dengan menggunakan bahan-bahan asli.

Pengunjung juga berpeluang melihat pelbagai binatang berkeliaran di sekitar resort itu, termasuk monyet, biawak dan burung.

Satu lagi ciri unik yang terdapat di situ ialah kehadiran dua tukang masak mahir yang akan menyediakan apa jua makanan yang anda sebut dan menguruskan segala kerja rumah.

Untuk tujuan rekreasi, pengunjung diberi penghormatan menggunakan segala kemudahan yang ditawarkan oleh Pangkor Laut Resort, hanya tujuh minit perjalanan dari Marina Bay Resort.

Pangkor Laut Resort yang memiliki 180 buah villa telah menerima Anugerah Hotel Peranginan Paling Cemerlang 1997 daripada Persatuan Pelancongan Asia Pasifik (PATA) UK.

Pelbagai rekreasi sukan air menjanjikan percutian yang menyeronokkan seperti selam skuba, ski air, layar angin, meluncur, memancing dan bersnorkel.

Atau, berenang dan berendam dalam kolam mandi, jakuzi atau spa juga merupakan cara terbaik melegakan otot.

Yang mengutamakan kesihatan badan, sudah pasti akan berhempas-pulas mengeluarkan peluh di gimnasium serba lengkap dan yang ingin dimanjakan, bolehlah menyerahkan seluruh badan untuk diurut oleh pakar urut yang disediakan.

Mereka yang tidak berpengalaman di laut pula boleh bermain golf, skuasy dan tenis.

Jika ini tidak merangsangkan, bercanda di tepi pantai atau sekadar duduk beristirahat sambil menyedut udara segar, melihat kehijauan laut dan pemandangan senja yang memukaukan, pasti menyeronokkan.

Apa lagi mencecah kaki di pantai Teluk Emerald yang disenaraikan antara pantai yang terbaik di dunia dengan airnya yang jernih bagaikan kristal tampak hijau.

Pendek kata, bercuti di Marina Bay Resort bagaikan berada di syurga dunia dengan keunikan tersendiri dan kekayaan khazanah alam ciptaan Tuhan.

Bagaimanapun, kadar penginapan satu malam di villa yang mempamerkan persekitaran desa, menggabungkan kemewahan terkini dengan keselesaan tradisional, adalah antara US\$1,500 (RM5,700) hingga US\$2,000 (RM7,600) bergantung kepada estet-estet.

Jika anda mempunyai wang sedemikian untuk dibelanjakan, hubungilah YTL Hotels and Properties, 03-444-6500 atau faks 03-444-6800. --Bernama

RR AM